



UCAPAN

**YANG BERTHORMAT
PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA
DATO SERI SETIA AWANG HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**MUZAKARAH
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
DENGAN
MAJLIS OLIMPIK KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

23 SYAWAL 1432 / 22 SEPTEMBER 2011

**DEWAN MUZAKARAH
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA
BERAKAS**

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Mengadap Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia, Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua, Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Hamba Duli Tuanku dengan penoh hormat serta takzim, terlebih dahulu menyembahkan setinggi tinggi menjunjung kasih di atas inisiatif Duli Tuanku mengadakan dan keberangkatan Duli Tuanku ke majlis pada pagi ini iaitu sesi muzakarah diantara Majlis Olimpik Kebangsaan NBD (BNOC) dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Inisiatif Duli Tuanku ini mencerminkan akan kesungguhan Duli Tuanku kearah mengujudkan persefahaman dan kerjasama yang erat di antara BNOC dan KKBS sebagai stakeholders kearah mengangkat dan memajukan sukan di Negara Brunei Darussalam.

Inisiatif Duli Tuanku untuk mengadakan permuzakarahan ini juga adalah selaras dengan Resolusi Konvensyen First World Olympic Sports yang telah diadakan di Acapulco, Mexico yang telah hamba Duli Tuanku hadiri pada tahun 2010, di mana telah menekankan perlunya Olympic Movement iaitu National Olympic Council dan pihak Kerajaan berprinsipkan saling berkonsultasi, bekerjasama dan menghormati dengan melaksanakan tindakan-tindakan secara bersama dalam merapatkan kesefahaman dan keharmonian yang baik antara kedua agensi bagi melahirkan dan membangunkan masyarakat yang sihat dan aktif melalui program Sukan Untuk Masyarakat dan Sukan Prestasi Tinggi ke arah kepentingan generasi yang akan datang.

Hamba Duli Tuanku percaya bahawa muzakarah seperti pagi ini adalah asas dan kunci kejayaan dalam kita sama-sama membincangkan dan menangani isu-isu semasa yang berkaitan dengan pembangunan sukan di negara ini.

Sebagai dua institusi yang mempunyai kepentingan kearah satu matlamat untuk membangun dan memajukan sukan di Negara Brunei Darussalam yang mana Majlis Olimpik Kebangsaan (BNOC) mewakili pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) manakala KKBS mewakili pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam dan masing masing mempunyai peranan untuk dimainkan dan mempunyai keistimewaan yang eksklusif atau "exclusive rights" yang mana jika di gabungkan melalui jalinan kerjasama yang erat dan saling konsultasi, akan dapat menghasilkan kekuatan kearah mengangkat prestasi dan kemajuan sukan di Negara Brunei Darussalam.

Dalam erti kata yang lain, melalui persefahaman dan saling berkerjasama kedua duanya akan saling dukung dan mendukung diantara satu dengan lain kearah mengangkat dan membangun sukan baik dalam Negara mahupun penyertaan atlit atlit Negara diperingkat serantau dan antarabangsa.

Penandatanganan biasiswa atlit atlit kebangsaan renang dan olahraga bagi menjalani latihan sukan Olimpik London 2012 melalui Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berlansung sebentar tadi, adalah satu bokti yang nyata dalam menterjemahkan kerjasama yang erat dan strategik diantara Majlis Olimpik Kebangsaan dengan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan bagi Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam waktu yang sama kornia sabda Duli Tuanku sebentar tadi, mencerminkan keikhlasan Duli Tuanku kearah memperkukuhkan kerjasama diantara Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang akan menjadi pendorong dan landasan dalam berkerjasama ke arah mencapai matlamat kecemerlangan pembangunan sukan di negara ini.

Beribu Ampun,

Hamba Kebawah Duli Tuanku juga ingin menjunjung kasih di atas usaha gigih dan pemedulian Duli Tuanku khususnya dalam menangani masalah yang dihadapi oleh Persatuan Sukan Bolasepak di negara ini.

Alhamdulillah, dengan penerimaan Persatuan Sukan Bolasepak Kebangsaan (NFABD) sebagai ahli FIFA yang mana Duli Tuanku sendiri terlibat dengannya, telah dapat menghidupkan semula sukan bolasepak bukan sahaja di peringkat kebangsaan malahan juga di peringkat serantau dan antarabangsa.

Hamba Duli Tuanku menyebarkan bahawa pada masa ini persediaan ke arah penganjuran Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah untuk Belia ASEAN di bawah umur 21 tahun bagi kali Ke-4 yang InsyaAllah, akan diadakan pada 25 Februari hingga 3 March 2012 sedang rancak dijalankan.

Pihak Hamba Kebawah Duli Tuanku juga menjunjung kasih di atas kerjasama padu yang telah diberikan oleh pihak NFABD bagi memastikan kelancaran dan kejayaan kejohanan ini dijalankan nanti. Sukacita juga disebarkan, seperti yang difahamkan, bahawa latihan-latihan sama ada di dalam negeri mahupun di luar negara juga sedang giat dijalankan bagi memilih skuad kebangsaan bagi mewakili Negara ini di kejohanan tersebut.

Beralih kepada perkembangan sukan secara keseluruhannya, seperti Duli Tuanku sedia maklum, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Jabatan Belia dan Sukan, adalah komited dalam usaha memajukan sukan di negara ini, iaitu pembangunan sukan melalui pendekatan 'Sukan Untuk Masyarakat' dan 'Sukan Prestasi Tinggi'.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan termasuklah menyediakan dan menaiktaraf venue-venue sukan di setiap daerah, perkhidmatan-perkhidmatan sukan seperti perubatan sukan, program-program latihan dan pendedahan dengan penyertaan di kejohanan-kejohanan Sukan Serantau dan Antarabangsa, pemberian bantuan dan insentif kewangan kepada persatuan-persatuan sukan di Negara Brunei Darussalam dengan mengikut keutamaan dan penganjuran

Kejohanan Sukan yang bertaraf Antarabangsa yang antaranya seperti Kejohanan Lumba Basikal iaitu Butra Heidelberg Le Tour de Brunei yang baru-baru ini telah diadakan dengan jayanya.

Walau bagaimanapun, hamba Duli Tuanku mengakui bahawa masih banyak ruang pembaikan yang diperlukan dan taraf sukan di Negara Brunei Darussalam masih dapat dipertingkatkan lagi agar ia akan setanding dengan kemajuan sukan di negara-negara jiran. Dengan mempergunakan sumber sumber yang ada , Pihak abis hamba Duli Tuanku akan terus meningkatkan lagi usaha ke arah memastikan agenda pembangunan kecemerlangan sukan berjalan dengan baik selaras dengan dasar perancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan berkonsepkan athlete-Centred, Coach Driven Knowledge Based Supports.

Hamba Duli Tuanku percaya bahawa dengan kerjasama sama padu yang berterusan daripada pihak Majlis Olimpik Kebangsaan dan juga semua pihak di negara ini, Insya Allah negara kita akan dapat memajukan sukan ke arah kecemerlangan.

Sebelum hamba Duli Tuanku menjunjung anugeraha untuk berundur diri, hamba Duli Tuanku dengan penoh hormat serta takzim menjunjung ampun jua jika terdapat kata kata yang kurang manis dan suruk langkah yang tidak disenghajikan di dalam sembah hamba Duli Tuanku sebentar tadi.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarkatuh.

Hamba Duli Tuanku menjunjung anugeraha.